"Penyusutan eksport ini sudah dijangka memandangkan kebanyakan negara di seluruh dunia terbabat dalam sekatan pergerakan bagi membendung penularan pandemik COVID-19. Ia menjejaskan aktiviti pembuatan serta rangkaian bekalan di peringkat global," katanya.

Bagaimanapun Mohamed Azmin berkata, kesan pemulihan sudah dapat dilihat apabila pres-



Azmin Ali

tasi eksport melonjak sebanyak lapan peratus pada bulan Jun 2020 berbanding bulan sama pada 2019.

"Momentum pemulihan terus direkodkan pada bulan Julai 2020, eksport pada bulan itu mencatatkan kenaikan sebanyak 3.1 peratus berbanding bulan Julai 2019.

Imbalan dagangan pula turut menunjukkan prestasi yang memberangsangkan, pada Jun ia meningkat sebanyak 88.5 peratus dan terus melonjak sebanyak 57.5 peratus pada Julai.

"Nilai lebih dagangan pada

Julai iaitu RM25.15 bilion adalah nilai bulanan tertinggi dicatatkan sejak tiga dekad yang lalu," katanya.

Selain itu, eksport meningkat dilihat terutama bagi sektor keluaran getah bagi tempoh Mac hingga Julai 2020, eksport sarung tangan getah naik sebanyak 65.5 peratus disokong oleh permintaan tinggi di pasaran global berikutan penularan COVID-19.

Secara keseluruhannya, bagi tempoh Januari hingga Julai 2020 nilai perdagangan negara menyusut sebanyak 6.8 peratus kepada RM993.22 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019.

Eksport bagi tempoh berkenaan pula menurun 6.2 peratus kepada RM541.47 bilion dan import berkurangan sebanyak 7.4 peratus kepada RM451.75 bilion.

Dalam pada itu, lebih dagangan mencatatkan peningkatan 0.8 peratus kepada RM89.72 bilion berbanding RM88.98 bilion yang direkodkan bagi tempoh sama pada 2019.

BERNAMA



KERATAN AKHBAR
8 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	MAIS pantau fahaman liberal
Muka Surat	:	4

MAIS pantau fahaman liberal

SHAH ALAM: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memandang serius penularan fahaman liberal yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Pengerusinya, Datuk Mohammed Khusrin Munawi, dalam memberi kefahaman dan penjelasan kepada masyarakat awam berhubung fahaman liberalisme, MAIS dan Jabatan Mufti Negeri Selangor melaksanakan program penerangan berterusan kepada pelajar sekolah, pegawai kerajaan dan orang awam.

“Sejak 2014 hingga tahun lalu, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melaksanakan 582 aktiviti yang melibatkan sesi penjelasan, seminar, konvensyen dan pemantauan bagi memastikan fahaman liberalisme termasuk ajaran sesat dapat ditangani sehingga ke peringkat akar umbi.

“Tindakan dan pemantauan berterusan melalui media sosial juga diambil bagi membendung penyebaran fahaman liberalisme ini selain menerbitkan buku berkaitan kesedaran akidah untuk rujukan orang ramai,” katanya dalam kenyataan



MOHAMMED KHUSRIN MUNAWI

di sini semalam

Utusan Malaysia semalam melaporkan Majlis agama Islam setiap negeri dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) digesa tidak ‘berpeluk tubuh’ dalam mengekang penularan fahaman liberal yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Sumber memberitahu, ini kerana hasil risikan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati fa-

haman dan ideologi berkenaan termasuk *Freemason* kini sudah menjadi ancaman serius di negara ini yang disebarkan melalui Facebook, Twitter, YouTube, WhatsApp dan Telegram sebagai ‘alat propaganda songsang’.

Lebih mengejutkan, ideologi liberal itu dipercayai telah mula berkembang di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor.

Dalam pada itu, Mohammed Khusrin berkata, pihaknya melalui JAIS juga sentiasa melakukan pemantauan terhadap kumpulan fahaman yang menyimpang dengan syarak.

“Di Selangor, dalam usaha menangani penyebaran fahaman yang menyeleweng daripada agama Islam, MAIS dan pihak berkuasa agama Islam negeri iaitu JAIS, Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMS) dan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Selangor (JPSS) sentiasa bekerjasama secara bersepadu bagi menangani perkara ini.

“Kita juga sentiasa proaktif dalam melaksanakan aktiviti pemantauan, risikan dan siasatan secara berterusan termasuk dengan kerjasama orang awam ke atas fahaman ini yang disyaki kembali aktif,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 8 September 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Amiruddin mohon maaf pada rakyat Selangor
Muka Surat	:	11

Amirudin mohon maaf pada rakyat Selangor

SHAH ALAM: Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari memohon maaf atas tindakan isterinya, Datin Seri Masdiana Muhamad memuat naik gambar sebuah lori tangki Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) di kediaman rasmi mereka, kelmarin.

Beliau berkata, tindakan isterinya itu adalah untuk menzahirkan penghargaan terhadap syarikat tersebut yang menghantar bantuan air.

“Masdiana hanya mahu men-

yampaikan rasa gembira terhadap bantuan air yang diberikan Air Selangor setelah seharian menunggu.

“Bagaimanapun, perkara ini dijadikan modal bagi sesetengah pihak untuk menyerang saya.

“Namun, tidak mengapalah, saya dan isteri memohon maaf,” katanya dalam sidang akhbar selepas program Dialog Belanjawan negeri Selangor 2021 di Pusat Perdagangan Setia City di sini semalam.

Amirudin berkata, pihaknya

berharap isu itu tidak dipanjangkan sebaliknya orang ramai fokus terhadap isu pencemaran air yang sedang berlaku di Selangor.

“Setakat pagi ini, lebih sejuta pemilik akaun sudah memperolehi bekalan air di kediaman dan premis mereka yang meliputi 37 kawasan.

“Kita menyasarkan bekalan air di seluruh Selangor akan pulih sepenuhnya Rabu ini,” ujarnya.

Kelmarin, tular dalam laman sosial selepas Masdiana

memuat naik gambar lori tangki Air Selangor berada di kediaman rasmi tersebut dengan ahli keluarga Menteri Besar itu mandi di kolam renang.

Tindakan itu dikatakan menggores hati rakyat yang tiada air selain menerima kecaman netizen.

Masdiana membuat permohonan maaf di laman sosial Facebook miliknya dengan mengakui kekhilafannya namun menafikan lori tangki dihantar untuk memenuhi kolam renang.



KERATAN AKHBAR
8 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	MPS gempur kilang haram
Muka Surat	:	11

MPS gempur kilang haram

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**
 rohaizah.zainal@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Kilang penyelenggaraan jentera di Sungai Gong, Rawang dekat sini yang menjadi punca pencemaran sumber air sehingga berlakunya gangguan bekalan di Lembah Klang beroperasi tanpa lesen Majlis Perbandaran Selayang (MPS) sejak 2014.

Malah, premis itu juga berdegil apabila enggan membuat permohonan lesen walaupun disarankan berbuat demikian oleh MPS.

Pengarah Jabatan Korporat Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Mohamad Zin Masoad berkata, selain meneruskan operasi tanpa lesen, kilang tersebut juga menjalankan aktiviti perniagaan lain dengan membina struktur bangunan tanpa kebenaran.

“Kita menyerahkan notis di bawah Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan membina bangunan tanpa kebenaran. Pihak syarikat diberi tempoh tiga hari untuk mengemukakan dokumen berkaitan kepada MPS sebelum tindakan roboh dilaksanakan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut beliau, pihak Pejabat Tanah dan Daerah Gombak juga menyerahkan Borang 7A (Notis Untuk Memulih Pelanggaran Syarat) atas kesalahan melanggar syarat guna tanah.

Terdahulu, MPS menjalankan operasi di kilang tersebut yang dipercayai menjadi punca gangguan bekalan air yang melanda Selangor dan Kuala Lumpur.

Dalam operasi tersebut, sebanyak 15 buah kilang diperiksa



PETUGAS Jabatan Alam Sekitar bersama penguat kuasa Majlis Perbandaran Selayang melihat binaan tanpa kebenaran dan isu berkaitan tanah di kilang penyelenggaraan jentera di Sungai Gong, Rawang semalam.

dan lima premis diberikan Notis Pematuhan Syarat Lesen Premis Perniagaan MPS 2020 manakala empat lagi premis dikenakan tindakan ditarik lesen kerana menjalankan aktiviti tambahan tanpa kebenaran.

Kesemua tindakan dibuat di bawah Undang-Undang Ke-

cil Tred, Perniagaan dan Industri (MPS) 2007.

Dalam pada itu, Mohamad Zin berkata, sebanyak 308 daripada 6,000 buah kilang didapati beroperasi secara haram.

“Daripada 308 kilang haram tersebut, sebanyak 50 premis membuat permohonan lesen

perniagaan manakala selebihnya belum berbuat demikian.

“Kita akan memanggil kesemua 308 pengusaha kilang Jumaat ini untuk menjalankan pemutihan. Pengusaha kilang akan diarah memohon kebenaran menjalankan perniagaan,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

8 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tiada kuasa lucut hak pesalah pencemaran sungai - Amirudin
Muka Surat	:	12

Tiada kuasa lucut hak pesalah pencemaran sungai - Amirudin



AMIRUDIN SHARI

SHAH ALAM: Kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman sebat atau pelucutan hak terhadap mana-mana syarikat yang terlibat dengan pencemaran sumber air.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, kedua-dua hukuman tersebut tidak termaktub di dalam Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999.

Beliau berkata, dalam Enakmen LUAS, kerajaan negeri hanya boleh melakukan siasatan serta menyediakan bukti untuk pendakwaan yang seharusnya

dilakukan oleh Jabatan Peguam Negara.

“Bagaimanapun, cadangan berkenaan perlu dibincangkan mengikut bidang kuasa masing-masing iaitu diketengahkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

“Kita hanya ada Enakmen LUAS 1999 tetapi di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sebenarnya mempunyai bidang kuasa jauh lebih luas untuk mengenakan tindakan terhadap pesalah,” katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Program Dialog Belanjawan negeri Selangor 2021 di Pusat

Perdagangan Setia Alam di sini semalam.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, pihaknya tidak mahu menunding jari kepada mana-mana pihak dan sedang menunggu hasil siasatan daripada pihak berkaitan.

“Kita akan bekerjasama dengan kerajaan Pusat bagi menyelesaikan isu tersebut.

“Saya kini sedang memfokuskan aspek pemantauan yang hendak dilakukan di kawasan tersebut dan aspek penguat kuasaan sekiranya kejadian sama berulang” ujarnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
8 September 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	6 TAHUN OPERASI HARAM
Muka Surat	:	2



DUA pekerja kilang yang disyaki terlibat dalam kejadian pencemaran sumber air di Sungai Gong, Rawang direman enam hari beranda, semalam.



PERMIS terbahit dipercayai sudah beroperasi sejak 2014 lalu dan termasuk dalam senarai pemantauan kilang haram.

6 TAHUN OPERASI HARAM

Kilang selenggara jentera jadi punca pencemaran pernah dikompaun beroperasi tanpa lesen



Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor hafidzul@metro.com.my

Rawang

Kilang penyelenggaraan jentera di kawasan Industri Sungai Gong di sini, yang disyaki punca pencemaran bau sehingga menyebabkan empat Loji Rawatan Air (LRA) di Sungai Selangor dihentikan khamis lalu beroperasi secara haram sejak enam tahun lalu.

Pengarah Jabatan Korporat Majlis Perbandaran Selangor (MPS), Mohamad Zin Masoud berkata, kilang itu juga sudah dikompaun pada Mac kerana beroperasi tanpa lesen dan sehingga kini belum melakukan sebarang permohonan.

Katanya, premis terbahit dipercayai sudah beroperasi sejak 2014 lalu dan termasuk dalam senarai pemantauan kilang haram.

"Berdasarkan data oleh MPS, pengurusan kilang berkenaan tidak pernah membuat permohonan lesen sejak 2014.

"Pihak MPS juga sudah dua kali menyuarakan kepada kilang terbahit untuk membuat permohonan lesen selepas dikesan beroperasi sejak enam tahun lalu.

"Selain beroperasi tanpa kebenaran, kilang yang dipercayai sering menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan lain ini turut membina struktur bangunan dalam kawasan premis mereka tanpa kebenaran bertulis dari MPS," katanya ketika ditemui dalam operasi kilang haram di sini, semalam.

Menurutnya, pemilik atau pengurusan kilang ini langsung tidak menghantar sebarang permohonan untuk menjalankan perniagaan.

"Pengurusan kilang dilhat tidak mempedulikan notis yang dikeluarkan Mac lalu dan terus menjalankan perniagaan tanpa kebenaran serta mendirikan bangunan tanpa kebenaran," katanya.

Sehubungan itu katanya, MPS menghajikan notis kepada kilang penyelenggaraan jentera yang membuat binaan tanpa lesen itu.

Menerusi notis itu, pihak syarikat perlu mengemukakan dokumen berkaitan dalam tempoh tiga hari dan akan dirubuhkan jika gagal berbuat demikian.

Mohamad Zin berkata, notis mengikat Seksyen 70 (1) Akta Jalan, Partit dan Bangunan 1974 dikeluarkan kerana kegagalan syarikat berkenaan mengemukakan bukti.

"Dalam tempoh tiga hari jika gagal mengemukakan bukti premis berkenaan akan dirubuhkan," katanya.

Katanya, bagi isu berkaitan pencemaran yang dilatitkan dengan pengurusan kilang, kesalahan itu di bawah tanggungjawab Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Pengurusan Kilang tidak mempedulikan notis dikeluarkan sejak Mac lalu



PENGUJIAN Inspeksi Mula Ihtibandar Selangor memeriksa kilang penyelenggaraan jentera.



KEADILAN LARANG beroperasi di zon industri di Rawang.



KERATAN AKHBAR		
8 September 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Naikkan denda RM1 juta
Muka Surat	:	4

Shah Alam

Sebarang tambahan bentuk hukuman terhadap pencemar sumber air mentah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan Persekutuan menerusi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dilihat lebih luas, kata Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari.

Bagi kerajaan negeri Selangor, katanya, kuasa untuk menghukum individu yang melakukan kesalahan mencemar sumber air amat terhad dan hanya tertakluk pada Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (Luas) 1999.

"Akta Kualiti Alam Sekeliling sebenarnya mempunyai kuasa yang lebih luas untuk tambah hukuman (terhadap pencemar alam sekitar) seperti sebat, penjara dan melucutkan hak.

"Malah, kuasa untuk mendakwa juga bukan di bawah kerajaan negeri, tetapi pada pihak Peguam Negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sesi Dialog Belanjawan Negeri Selangor 2021 di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas gesaan pelbagai pihak yang mahu hukuman terhadap pencemar alam sekitar ditingkatkan dengan meminda akta sedia ada atau menggubal undang-undang baharu. Jumaat lalu, empat loji rawatan air di Sungai Selangor terpaksa dihenti tugas ekoran berlakunya pencemaran bau di Sungai Gong, Rawang

Naikkan denda RM1 juta!

Selangor bakal pinda Enakmen Luas 1999 pada persidangan Dun akan datang

5 juta
 Jumlah pengguna di sekitar Lembah Klang hadapi gangguan bekalan air

menyebabkan 5 juta pengguna di sekitar Lembah Klang menghadapi gangguan bekalan air tidak berjadual.

Pada masa sama, Amirudin menyatakan kerajaan negeri akan meminda Enakmen Luas 1999 pada persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) akan datang dengan meningkatkan nilai denda kepada RM1 juta untuk dikenakan terhadap pencemar sumber air.

Sementara itu, mengulas mengenai gambar tular di akaun media sosial isterinya yang memaparkan lori tangki Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) 'menghantar' air terus ke rumahnya, Amirudin memohon maaf

atas kekhilafan berkenaan.


Menurut beliau, gambar lori tangki Air Selangor itu dimuat naik oleh isterinya, Datin Seri Masdiana Muhammad bagi melahirkan rasa terima kasih kepada agensi itu yang membantu menghantar air ke kediamannya.

"Gambar ini sudah digunakan oleh sesetengah pihak untuk menyerang saya, bagaimanapun saya dan isteri memohon maaf," katanya.

Sabtu lalu, gambar lori tangki menghantar bekalan air ke rumah menteri besar yang dimuat naik Masdiana menerima kritikan masyarakat kerana tidak berpuas hati atas layanan istimewa diterima oleh golongan kenamaan tatkala rakyat biasa termasuk golongan warga emas terpaksa menyinggung lengan untuk mengangkut air bagi kegunaan rumah masing-masing.

- Bernama

KUASA kerajaan negeri untuk menghukum individu yang melakukan kesalahan mencemar sumber air amat terhad.





KERATAN AKHBAR		
8 September 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Haru-biru angkut air
Muka Surat	:	14

APABILA PAIP KELUAR ANGIN

Haru-biru angkut air



Bersama
**Saipul Adli
 Mohamad**



Bayangkan betapa sukarnya cabaran menghadapi masalah ketiadaan air terutama keluarga besar, tinggal pula di rumah pangsa

erana sebaloi air, saya pernah nyaris bergaduh dengan rakan sebaya ketika menuntut di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di bandar Melaka pada awal 1990-an.

Ketika itu, Melaka berdepan krisis bekalan air akibat kemarau dan kami yang tinggal di flat awam di Kampung Lapan dan mengikuti kuliah di kampus utama di Jalan Hang Tuah atau di Bachang turut terkena tempasiannya.

Bekalan air untuk mandi dan urusan lain dibekalkan lori tangki dan diletakkan dalam tong besar di hadapan flat itu, jadi kami mengangkutnya naik ke bilik dengan baldi masing-masing.

Nak dijadikan cerita, hari itu saya mengalami 'keceemasan' dan perlu ke tandas dengan segera.

Air dalam baldi saya habis digunakan untuk mandi, jadi perlu mencari air lain.

Ternampak satu baldi di bawah katil rakan lalu saya menggunakannya.

Kemudian bergegas turun ke kawasan tong besar untuk menggantikannya, tetapi malangnya ia kosong.

Di belakang salah satu blok asrama itu ada kolam tinggal dan ada masanya kami mengambil air di situ apabila sangat terdesak.

Jadi, saya mengambil air kolam itu dua baldi, satu untuk saya dan satu lagi untuk menggantikan air rakan saya itu dan meletakkan semula baldinya di bawah katil.

Apabila pulang dari kuliah, rakan tidak puas hati.

Maklumlah, air kolam agak keruh dan ada sedikit rumput.

Saya mengaku itu silap saya dalam keadaan terdesak dan dia nampaknya masih tidak puas hati.

Kami bertekak namun mungkin melihat saiz badan, dia akhirnya mengalah.

Ketika zaman remaja itu, antara perkara mengaib dan mendebarakan adalah membawa baldi untuk mengambil air dekat tong besar di bawah blok untuk ke tandas terutama di kampus Bachang kerana ia asrama penginapan penuntut perempuan.

Itu kisah lama dan saya terkenang kesukaran itu apabila Melaka mengalami krisis air sekali lagi akibat kekurangan bekalan di empangan utama pada awal tahun ini.

Ketika balik bertugas di Kuala Lumpur pada awal 2018 dan tinggal di Pandan Mewah, Ampang, saya bersyukur kerana tidak perlu membayar bil air dan hanya tahun ini, baru ada bil air.

Itu antara inisiatif kerajaan Selangor bagi membantu meringankan beban rakyat, tetapi ancaman utama bekalan air di Lembah Klang adalah pencemaran punca air dilakukan manusia tidak bertanggungjawab.

Hujung tahun lalu, berlaku pencemaran di Sungai Semenyih dan pada April lalu, empat Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas seketika.

Empat LRA itu sekali lagi terpaksa dihenti tugas Khamis lalu akibat pencemaran daripada kilang penyelenggara mesin dan jentera di Sungai Gong, Rawang.

Kali ini, kesannya lebih teruk apabila 1,292 kawasan di tujuh wilayah sekitar Lembah Klang membabitkan 1.2 juta akaun dan lima juta pengguna mengalami gangguan bekalan air tidak berjaya.

Bayangkan betapa sukarnya cabaran menghadapi masalah ketiadaan air terutama keluarga besar, tinggal pula di rumah pangsa.

Malah, ketika naik lif untuk pulang ke rumah selepas bekerja malam kelmarin, saya terserempak dua kanak-kanak.

Mereka memberitahu terpaksa menumpang di rumah saudara kerana rumah mereka tiada air dan tidak dapat ke sekolah pagi semalam.

Selain menumpang mandi di rumah saudara-mara, ada yang

mendaftar masuk ke hotel di kawasan ada bekalan air.

Tidak kurang yang keluar dari Kuala Lumpur sama ada ke Port Dickson, Melaka atau Ipoh untuk menikmati hidup seperti biasa.

Manakala yang terus kekal di Lembah Klang, menerusi gambar di media sosial dan laporan rakan setugas, saya lihat mereka cekal beratur panjang menadah air dari lori tangki.

Atau menadah air bukit di Persiaran Mokhtar Dahari menghala Puncak Alam dan jelas, apa saja punca air dicari dan digunakan.

Belum lagi berebut mencari air mineral di pasar raya dan premis lain dan bagi yang berkesempatan mendapatkan stok, mereka terpaksa berjimat mandi dengan air mineral, selain digunakan untuk memasak dan minum.

Itu sebahagian haru-biru dan keributan berlaku kepada warga kota akibat tiada air yang menjadi sumber penting dalam kehidupan seharian.

Natijahnya, empat beradik pemilik kilang yang menjadi punca pencemaran kali ini sudah ditahan dan direman enam hari sehingga lusa.

Siasatan mendapati kilang terbabit pernah dikompaun RM60,000 pada Mac lalu kerana melakukan kesalahan sama.

Lebih teruk lagi, ia didapati beroperasi tanpa lesen sejak 2014.

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengesahkan sudah dua kali meminta pemilik kilang terbabit membuat permohonan lesen selepas dikesan beroperasi sejak enam tahun lalu, tetapi mereka degil.

Selain beroperasi tanpa lesen, kilang dipercayai sering menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan lain itu turut membina struktur bangunan dalam kawasan premis tanpa kebenaran MPS.

Kenapa mereka berani terus membuat salah dan berdegil? Pertama, denda RM60,000 itu mungkin sedikit.

Kedua, mudah kerana lokasi di tepi sungai dan boleh terus buang sisa dalam sungai.

Pada masa sama, jimat kerana tidak perlu keluar kos lain termasuk pengangkutan untuk membuang sisa dan motif utama dirikan kilang di tepi sungai sudah pasti untuk melupuskan sisanya dengan mudah.

Alhamdulillah, terima kasih kepada mereka yang bersenggang mata, bertungkus-lumus memastikan bekalan air kembali pulih secara berperingkat.

Sudah pasti ada yang tidak cukup rehat, kurang tidur dan ini wira tidak didendam sebenar.

Itu lebih baik berbanding sesetengah mereka yang menjadikan kepayahan ini sebagai modal politik, menghemtam sana sini dan mencari salah.

Padahal, antara mereka jugalah yang menentang Projek Langat 2 untuk mendapatkan bekalan air dari Pahang, sekali gus mengatasi krisis air di Selangor.

Malu pula rasanya apabila berstatus negeri maju dan tinggal di kawasan ibu kota, tetapi bekalan air kerap terputus dan sudah pasti, kejadian ini bukan acara tahunan yang menggembarakan!

Penulis Penolong Pengarang Berita, Harian Metro



KERATAN AKHBAR 8 September 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	MB Selangor mohon maaf isu lori tangki air
Muka Surat	:	6

MB Selangor mohon maaf isu lori tangki air

SHAH ALAM – Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari memohon maaf kepada rakyat Selangor berhubung tindakan isterinya, Datin Seri Masdiana Muhamad yang memuat naik gambar kehadiran sebuah lori tangki air Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) ke kediaman rasmi mereka kelmarin.


Menurut Amirudin, tindakan yang dilakukan oleh isterinya itu adalah untuk menzahirkan penghargaan terhadap syarikat itu yang menghantar bantuan air ke rumahnya.

“Beliau hanya nak sampaikan rasa gembiranya terhadap bantuan air yang diberikan Air Selangor, setelah seharian menunggu bantuan datang.


“Tapi perkara ini menjadi modal bagi sesetengah pihak untuk menyerang saya, tapi tak apalah saya dan isteri mohon maaf,” katanya pada sidang akhbar selepas program Dialog Belanjawan negeri Selangor 2021 di Pusat Perdagangan Setia City di sini semalam.

Sabtu lalu, Masdiana menerusi akaun Instagram miliknya telah memuat naik gambar sebuah lori tangki air Air Selangor yang menghantar bantuan di kediamannya.

Bagaimanapun, gambar tersebut mendapatkan reaksi negatif daripada segelintir netizen yang beranggapan bahawa keluarga Amirudin mendapat layanan istimewa daripada Air Selangor.



GAMBAR dan status yang dimuat naik Masdiana di Instagram pada Sabtu lalu menimbulkan kritikan pelbagai pihak.





KERATAN AKHBAR
8 September 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Bengkel disyaki cemari Sungai Gong beroperasi secara haram
Muka Surat	:	7

Bengkel disyaki cemari Sungai Gong beroperasi secara haram

Oleh **RIDZAUDDIN ROSLAN**

KUALA LUMPUR – Sebuah kilang penyelenggaraan jentera yang disyaki mencemari Sungai Gong di Rawang dikesan beroperasi tanpa lesen atau tanpa kebenaran sejak enam tahun lalu.

Pengarah Jabatan Korporat, Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Mohd. Zin Masoad berkata, pengurusan kilang itu juga tidak pernah membuat sebarang permohonan lesen daripada pihaknya sejak tahun 2014.

“Sepanjang beroperasi selama enam tahun, MPS sudah dua kali menyarankan pengurusan kilang itu untuk membuat lesen.

“MPS turut menyerahkan notis kepada kilang itu di bawah Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 ekoran kesalahan membina bangunan tanpa kebenaran,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Katanya, pihak syarikat berkenaan diberi tempoh selama tiga hari untuk mengemukakan dokumen berkaitan kepada MPS sebelum tindakan roboh dilaksanakan.

“Selain itu, Pejabat Daerah Tanah (PDT) Gombak turut me-



MOHAMAD ZIN menampal notis di kilang penyelenggaraan jentera yang disyaki menjadi punca pencemaran Sungai Gong di Rawang semalam.

nyerahkan Borang 7A (Notis Untuk Memulih Pelanggaran Syarat) atas kesalahan melanggar syarat guna tanah,” ujarinya.

Terdahulu, MPS bersama PDT Gombak dan Jabatan Alam Sekitar melakukan pemeriksaan di 15 buah kilang sekitar Sungai Gong, Rawang bagi memastikan kilang beroperasi dengan sah serta mematuhi syarat.

Hasil pemeriksaan, MPS

mengeluarkan Notis Pemuatan Syarat Lesen Premis Perniagaan MPS 2020 kepada lima buah kilang, manakala empat daripadanya ditarik lesen.

Kosmo! sebelum ini melaporkan kira-kira lima juta penduduk sekitar Lembah Klang terjejas selepas terputus bekalan air sejak Jumaat lalu ekoran penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
8 September 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Meter khas kesan sisa tercemar
Muka Surat	:	7

Setiap kuantiti pembuangan bahan beracun ke sungai akan direkodkan

Meter khas kesan sisa tercemar

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Semua kilang industri di negeri ini bakal menggunakan meter khas bagi mengetahui jumlah pembuangan sisa-sisa kumbahan yang boleh menjejaskan alam sekitar.

Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Datuk Ir. Hashim Osman berkata, kaedah baharu itu juga memudahkan pengesanan pihak yang terlibat dalam mencemarkan sungai.

"Apabila pemeriksaan dilakukan, kita akan mengetahui kuantiti pembuangan sisa dan setiap jumlah sisa yang dilepaskan akan dibayar oleh pemilik kilang.

"Cara ini juga secara langsung akan memudahkan operasi pengesanan kilang-kilang yang melakukan pencemaran di satu-satu kawasan industri," katanya.

Terdahulu, penduduk di Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual sejak Khamis lalu melibatkan 1,292 kawasan.

Siasatan mendapati gangguan itu berpunca daripada pencemaran bau ekoran tindakan sebuah kilang yang melepaskan bahan



HASHIM



KERATAN Kosmo! 5 September 2020.



PEMBUANGAN sisa tercemar ke sungai akan dipantau menerusi penggunaan meter khas. – GAMBAR HIASAN

pelarut ke dalam Sungai Gong sehingga menyebabkan empat loji rawatan air (LRA) di Sungai Selangor dihenti tugas.

Dalam pada itu, Hashim berkata, semua kilang di Selangor juga bakal melaksanakan pembuangan sifar atau zero discharge sisa kumbahan di sungai dalam masa terdekat.

Katanya, perkara yang masih dalam kajian itu akan mengke-

hendaki setiap kilang melakukan kitar semula sisa air kumbahan mereka.

"Perkara itu telah dibuktikan semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila tiada kilang beroperasi dan sungai seperti Sungai Klang dan Penchala bersih dan cantik.

"LUAS telah membangkitkan cadangan ini kepada kerajaan negeri dan meminta kita mengkaji

dengan terperinci pelaksanaannya," katanya.

Beliau menambah, pihaknya juga akan melaksanakan Rakan Sungai pada 26 September ini yang akan disempurnakan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Ujarnya, setakat ini 42 komuniti telah bersetuju menjadi rakan sungai terutama mereka yang tinggal di tepi sungai.



KERATAN AKHBAR

8 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Isteri MB Selangor bantu agih air kepada penduduk
Muka Surat	:	2

Isteri MB Selangor bantu agih air kepada penduduk

KLANG - Selepas kontroversi gambar yang dimuat naik dalam laman sosial sebelum ini, isteri kepada Menteri Besar Selangor, Datin Seri Masdiana Muhamad turun padang mengagihkan bantuan air kepada penduduk di Pangsapuri Golden Villa di sini semalam.

Menerusi perkongsian di laman Facebook rasmi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sentosa, G Gunaraj, penduduk di kawasan terlibat menerima agihan bekalan air dan air minuman sebagai meringankan masalah gangguan bekalan air yang dihadapi penduduk di sini sejak Khamis lalu.

“Pagi ini (semalam) saya bersama Datin Seri Masdiana Muhamad memberi bantuan air minuman dan bekalan air mentah daripada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) di Pangsapuri Golden Villa.

“Terima kasih juga kepada Team Selangor yang memberi sumbangan makanan asas kepada

penduduk,” kata Gunaraj menerusi catatan dalam Facebook berkenaan.

Sebelum ini, timbul kontroversi apabila Masdiana memuat naik foto lori tangki Air Selangor berada di kediaman rasmi Menteri Besar Selangor di Shah Alam dan ahli keluarganya sedang mandi di kolam renang di kediaman berkenaan.

Gambar yang tular itu mengundang rasa kurang senang netizen berikutan berjuta-juta rakyat Selangor sedang berdepan krisis bekalan air.

Susulan itu, Masdiana tampil membuat permohonan maaf berhubung tindakannya kelmarin.

Menerusi satu kenyataan, Masdiana mengakui kekhilafan beliau memuat naik gambar tersebut yang menimbulkan banyak tafsiran.

Beliau bagaimanapun menafikan dakwaan bahawa lori tangki itu dihantar untuk memenuhi kolam renang di kediaman rasmi tersebut.

FOTO: FB ADUN SENTOSA



Masdiana (tiga dari kiri) bersama Gunaraj membantu membuat agihan air kepada penduduk di Pangsapuri Golden Villa, Klang semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
8 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MB Selangor tampil mohon maaf
Muka Surat	:	2

MENTERI BESAR, ISTERI MOHON MAAF KEPADA RAKYAT SELANGOR



Masdiana Muhamad
 Assalamualaikum dan Salam Sejahtera. Saya memohon kekhilafan & jika saya telah memuat naik gambar tersebut yang memuatkan banyak kekhilafan. Datuk Menteri yang baik itu dibantu untuk memuatkan gambar yang tersebut adalah baik sama-sama kita. Selangor memang itu juga sama juga menyayangi kita berbilang kekhilafan berbilang. Untuk itu, saya memohon maaf kepada semua pihak. Permohonan maaf oleh Masdiana yang dibuat menerusi media sosial kehiantan.

Masdiana (bengali)
 menyampaikan sambutan 833 botol air memuatkan dan air memuat daripada pihak pengurusan Air Selangor kepada penghidup Pengasap Gokken Villa, Klang semalam diiringi Jdt Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semantan, G. Ganesh (Ibu datu khaman).

DATUK Seri Amirudin Shari dan isterinya Datin Seri Masdiana Muhamad memohon maaf atas tindakan mereka memuat naik gambar sebuah lori tangki air Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) yang menghantar bekalan air ke kediaman rasmi Menteri Besar Selangor di Shah Alam kelmarin menerusi akaun media sosial. Gambar tersebut mendapat reaksi negatif daripada netizen yang beranggapan keluarga Amirudin mendapat layanan istimewa daripada Air Selangor ketika lima juta rakyat negeri itu dan Kuala Lumpur sedang dalam kesusahan menghadapi gangguan bekalan air. Menurut Amirudin, tindakan yang dilakukan oleh isterinya itu adalah untuk menzahirkan penghargaan terhadap syarikat itu kerana menghantar bantuan air ke rumahnya. Sementara itu, Masdiana mengakui kekhilafan memuat naik gambar tersebut yang menimbulkan banyak tafsiran namun menafikan dakwaan bahawa lori tangki tersebut dihantar untuk memenuhi kolam renang di kediaman rasmi itu.

“Isteri saya sudah memohon maaf semalam dan apa yang dilakukan beliau adalah untuk menyampaikan rasa gambarnya terhadap bantuan air yang diberikan Air Selangor selepas sebulan menunggu bantuan dalam” - kata Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari selepas program Dialog Belanjawan Selangor 2021 di Setia Alam semalam.

■ BENGKEL CEMARI SUNGAI GONG BEROPERASI SECARA HARAM SEJAK 2014 **■ DUA PEKERJA KILANG DIREMAN 6 HARI BANTU SIASATAN PENCEMARAN SUNGAI GONG, RAWANG**

MB Selangor tampil mohon maaf

Susulan penuluran gambar yang dimuat naik isterinya pada Sabtu lalu



Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**
SHAH ALAM

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari memohon maaf kepada rakyat Selangor susulan penuluran gambar yang dimuat naik oleh isterinya, Datin Seri Masdiana Muhamad pada Sabtu lalu. Menurut Amirudin, tindakan isterinya itu bertujuan menzahirkan penghargaan terhadap Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) yang menghantar bantuan bekalan air ke rumahnya. Bagaimanapun, beliau berkata, perkara itu telah menjadi modal buat sesetengah pihak untuk menyertanginya. “Tapi tak apalah, saya dan isteri mohon maaf dan harap perkara ini tidak dipanjangkan. “Beliau (Masdiana) hanya nak sampaikan rasa gembira



Permohonan maaf oleh Masdiana yang dibuat menerusi laman sosial kehiantan.

sebuah lori tangki Air Selangor sedang menghantar bantuan di kediamannya. Namun begitu, gambar tersebut mendapat reaksi negatif daripada segelintir pihak yang beranggapan bahawa keluarga Amirudin mendapat layanan istimewa. Susulan itu, Masdiana turut memohon maaf berhubung tindakannya itu yang didakwa mengugris hati rakyat ketika berdepan isu gangguan bekalan air di Selangor. Dalam pada itu, Amirudin berkata, kerajaan Selangor tidak mempunyai kuasa bagi mengambil tindakan sebat atau lucut hak terhadap individu yang terlibat dengan pencemaran sungai di negeri ini. “Tapi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 mempunyai bidang kuasa lebih luas,” katanya.



KERATAN AKHBAR

8 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pasukan khas tangani pencemaran sungai
Muka Surat	:	3

Pasukan khas tangani pencemaran sungai

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor digesa menubuhkan pasukan petugas untuk menangani isu pencemaran air di negeri ini, tegas Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago.

Bekas Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Nasional (SPAN) itu turut meminta kerajaan negeri lebih proaktif dengan memastikan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) memainkan peranan lebih efektif dalam memantau dan menguatkuasakan undang-undang.

“Air adalah bawah bidang kuasa Persekutuan dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) berada di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air. Tetapi Selangor seharusnya proaktif dengan memastikan LUAS mengambil peranan penguatkuasaan dan pemantauan yang berkesan kerana gangguan air sering terjadi.

“Menteri Besar (Datuk Seri Amirudin Shari) sepatutnya meminta lebih banyak perbelanjaan, petugas dan logistik untuk memastikan tugas seperti itu dapat dilakukan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Santiago berkata, pasukan petugas itu bertujuan untuk menghentikan pencemaran sungai dan sumber air yang memerlukan kajian semula dasar dan peraturan sedia ada.

“Amirudin mesti menubuhkan pasukan petugas yang terdiri daripada pihak berkepentingan untuk mengenal pasti dan membuat pindaan undang-undang tertentu di Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor dalam masa 30 hari ke depan dan mengemukakan isu peraturan dengan kerajaan Persekutuan.

“Pasukan itu juga harus mengenal pasti isu kelulusan, pelesenan dan pemantauan serta mengemukakan peraturan baharu dan memperkuatkan badan pengawasan,” katanya.

Charles berkata, rakyat sudah muak dengan janji yang dibuat kerajaan negeri untuk memulihkan keadaan.



KERATAN AKHBAR
8 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pemilik kilang tidak pernah mohon lesen operasi
Muka Surat	:	3

Pemilik kilang tidak pernah mohon lesen operasi

RAWANG - Pemilik kilang jentera berat yang disyaki menjadi punca pencemaran air di Sungai Gong di sini perlu mengemukakan dokumen kebenaran pembinaaan dalam tempoh tiga hari kepada Majlis Perbandaran Selangor (MPS) atau berdepan tindakan perobohan.

Pengarah Jabatan Korporat MPS, Mohamad Zin Masoad berkata, MPS mengeluarkan notis di bawah Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 terhadap kilang itu kerana mendirikan bangunan tanpa kebenaran.

Menurutnya, kilang tersebut juga pernah diberikan notis pada Mac lalu kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen.

“Pemilik kilang tersebut tidak pernah memohon lesen malah selepas menerima notis pada Mac lalu, pemiliknya tidak tampil membuat permohonan lesen untuk meneruskan perniagaan secara sah.

“Status tanah kilang itu tiada masalah kerana milik persendirian dan untuk kegunaan industri tetapi beroperasi tanpa kebenaran,” katanya ketika pemeriksaan



Mohamad Zin (kanan) menunjukkan notis tindakan yang dikenakan ke atas pemilik sebuah kilang di Rawang semalam.

kilang tanpa lesen di sekitar Rawang semalam.

Mengulas lanjut, kilang tersebut adalah antara 308 perusahaan industri yang beroperasi tanpa kelulusan dan tersenarai dalam bancian proses pemutihan bagi kawasan MPS yang diperolehi dari tahun 2012.

“MPS akan memanggil kesemua pengusaha kilang berkenaan pada Jumaat ini untuk membuat proses pemutihan kerana kita mahu mereka menjalankan perniagaan mengikut undang-undang.

“Sebanyak 50 pengusaha daripada 308 kilang yang tiada kelulusan ini telah memohon lesen dan diluluskan. Tempoh pemutihan tamat pada 31 Disember ini sebelum penguatkuasaan lanjut di atas akta berkaitan dilakukan,” katanya.

Mohamad Zin berkata, MPS akan mengeluarkan lesen selepas pengusaha terlibat mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan termasuk mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Jabatan Balai Bomba dan Penyelamat (JBPM).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 8 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Tubuh Unit Jenayah Alam Sekitar
Muka Surat	:	4

Tubuh Unit Jenayah Alam Sekitar

KASA cadang kerjasama antara ATM, PDRM cegah pencemaran alam sekitar

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

KUALA SELANGOR

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bercadang menubuhkan Unit Jenayah Alam Sekitar memabatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam masa terdekat.

Menterinya, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, perkara itu sudah dibincangkan dengan Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

“Secara dasarnya, Kementerian Pertahanan telah bersetuju untuk meletakkan KASA di bawah sektor keselamatan.

“Isu berkaitan air dan alam sekitar dilihat berpotensi menjejaskan keselamatan negara terutamanya ekonomi dan kesejahteraan rakyat,” katanya selepas melakukan lawatan di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) Jalan Bukit Badong di sini semalam.

Tuan Ibrahim berkata, perkara itu juga akan dibawa kepada pengetahuan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin untuk tindakan lan-



Tuan Ibrahim (tiga dari kanan) melakukan lawatan ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 di Bestari Jaya semalam. Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang (empat dari kanan).

jut.

“Unit yang ditubuhkan ini akan menyelaraskan tindakan bersama antara agensi penguat kuasa KASA dengan ATM dan PDRM,” katanya.

Pada masa ini, ujarnya, tindakan penguatkuasaan hanya dilakukan di peringkat kementerian menerusi Jabatan Alam Sekitar (JAS).

“Agensi (penguatkuasaan) sudah ada, namun memerlukan sokongan agensi lain supaya penguatkuasaan dapat diperkasakan

“Penglibatan polis dan agensi lain penting bagi memastikan jenayah pencemaran tidak berlaku pada masa depan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, bekalan air di semua kawasan terjejas di Selangor dan Kuala Lumpur berikutan pencemaran di Sungai Gong, Rawang yang menyebabkan empat LRA dihenti tugas dijangka pulih sepenuhnya Rabu ini.

“Sebahagian besar kawasan sudah menerima bekalan air secara berpe-

ringkat-peringkat dan hanya sebilangan kecil kawasan masih dalam proses pemulihan.

“Insya-ALLAH keseluruhan bekalan (akan) dapat diselesaikan pada jam 6 pagi, 9 September ini,” katanya.

Tuan Ibrahim berkata, kertas siasatan berhubung kejadian pencemaran di Sungai Gong itu dijangka siap dalam waktu terdekat.

“Siasatan akan dijalankan melalui JAS dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN),” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
